

PROJEK TUGAS
(Students' Project)

RS0000361

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR

KAJIAN AKHIR 'HISTORY OF ARCHITECTURE ARC 471'

SISTEM PENGUDARAAN TANPA -
PERALATAN MEKANIKAL DIDALAM SENIBINA MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH : Ramlan bin Ramli
88113795

DISEMAK OLEH : En. Amran Abd. Rahman
Pensyarah Senibina ITM Shah Alam



TANDA TANGAN

25-5-92

TARIKH

Daftar Rujukan & Perkhidmatan Pemboon
Perpustakaan ITM Shah Alam

FOTOSTAT TIDAK DILENARKAN

KAJIAN AKHIR 'HISTORY OF ARCHITECTURE ARC 471'

DISEDIAKAN OLEH : *Ramlan bin Ramli*
88113795

TAJUK :
SISTEM PENGUDARAAN TANPA
PERALATAN MEKANIKAL DI DALAM SENIBINA MALAYSIA

Sememangnya telah menjadi resam manusia suka kepada sesuatu yang baik dan selesa dalam menjalankan kehidupan seharian. Secara tidak langsung tempat tinggal akan memainkan peranan untuk memenuhi keperluan tersebut. Tempat tinggal yang selesa hanya akan terhasil dengan adanya pengudaraan yang baik dan sempurna.

Untuk menentukan bahawa sesuatu rekabentuk bangunan itu mempunyai ciri-ciri pengudaraan yang terbaik maka haruslah diketahui asas atau prinsip kepada teknik pengudaraan tersebut.

Berbalik kita kepada fungsi rumah iaitu untuk perlindungan daripada keadaan iklim seperti hujan, panas dan sebagainya maka suatu rekabentuk itu mestilah 'menghormati' keadaan iklim dan persekitaran yang sedia ada.

Rumah Tradisional Melayu adalah satu contoh yang baik,

bagaimana ianya benar-benar dapat berfungsi seiring dengan keadaan iklim untuk memberikan keselesaan yang sebaiknya kepada pengguna. Ciri-ciri yang ada padanya bukan sahaja dapat memenuhi kehendak persekitaran malah juga dapat dihubungkan dengan perjalanan sosial bagi masyarakat Melayu. Jelas juga bagaimana masyarakat ini dapat menggunakan segala kepakaran yang ada di dalam seni pertukangan kayu terutamanya seni ukiran untuk menghasilkan sesuatu yang lebih berfungsi. Bahan ukiran banyak digunakan untuk elemen pengudaraan disamping dapat menonjolkan nilai estetika yang tinggi.

Pada hakikatnya, iklim adalah mempengaruhi segala elemen rekabentuk yang ada pada bangunan termasuklah elemen pengudaraannya. Para penjajah telah menghadapi masalah ini semasa memulakan penempatan di Malaysia. Penhubahsuaian terpaksa dilakukan dengan meniru elemen-elemen tempatan yang telah digunakan sejak dahulu lagi. Walaubagaimanapun, ubahsuaian tersebut dilakukan dengan amat teliti tanpa mencacatkan senibina yang dibawa.

Zaman yang sentiasa berubah juga telah banyak membawa perubahan di dalam senibina. Peralatan moden telah tercipta untuk menggantikan cara pengudaraan yang lama. Namun apa yang tercipta masih tidak dapat memenuhi kehendak keselesaan yang diperlukan, maka penggabungan antara cara lama dan baru perlu dilakukan. Dari sini

tercipta pula alat yang dikenali sebagai alat bantu pengudaraan.

Tidak kira apa cara sekali pun yang digunakan untuk pengudaraan, masing-masing mempunyai kebaikan dan keburukanya yang tersendiri. Semuanya bergantung kepada keadaan dimana dan bila ianya perlu digunakan dan perlulah dilakukan penelitian supaya tidak menimbulkan masalah yang lain pada kemudian hari.

DISEMAK OLEH : En. Amran Abd. Rahman

Pensyarah Senibina ITM Shah Alam

TANDA TANGAN :

TARIKH :

#	PRAKATA	
#	PENGHARGAAN	
#	BAB 1.0 Pengenalan Asas Prinsip Pengudaraan	1
	1.1 Keperluan Kepada Pengudaraan	3
#	BAB 2.0 Sistem Pengudaraan Rumah Tradisional Melayu	8
	2.1 Kehendak Keselesaan Kepada Keadaan Iklim	9
	2.2 Ciri Pengudaraan Secara Rekabentuk	12
	2.3 Perbandingan Rumah Tradisional Dan Moden	14
#	BAB 3.0 Sistem Pengudaraan Pada Bangunan Kolonial	31
	3.1 Pengubahsuaian Kepada Iklim Malaysia	37
#	BAB 4.0 Keperluan Pengudaraan Pada Bangunan Moden	41
	4.1 Alat Bantu Pengudaraan	42
#	BAB 5.0 Cadangan Dan Komen	50
#	BAB 6.0 Kesimpulan	54
#	BIBLIOGRAFI	57